

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU)
S P SETIA BERHAD DAN TENAGA NASIONAL BERHAD
12 April 2022

Yang Berusaha Encik Ahmad Zulqarnain Onn,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Permodalan Nasional Berhad;

Yang Amat Mulia Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, Pengerusi,
S P Setia Berhad;

Yang Berhormat Datuk Sri Hasan Arifin,
Pengerusi, Tenaga Nasional Berhad;

Yang Berbahagia Datuk Choong Kai Wai,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, S P Setia Berhad;

Yang Berusaha Encik Abdul Razib Dawood,
Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga;

Yang Berbahagia Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan,
Ketua Pegawai Retail Tenaga Nasional Berhad;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah S P Setia Berhad;

Ahli-ahli Pengurusan Tertinggi TNB dan S P Setia Berhad;

Tuan-tuan, Puan-puan dan Para Hadirin Sekalian.

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.
2. Syukur ke hadrat Allah SWT, dapat kita bersama-sama pada pagi ini di majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara S P Setia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad bagi Inisiatif Penggunaan Tenaga Hijau dalam Pembangunan Komersial dan Kediaman. Saya mengucapkan terima kasih kepada S P Setia dan TNB atas jemputan menyaksikan majlis menandatangani MoU ini.
3. MOU pagi ini adalah di antara dua syarikat yang ternama dalam bidang masing-masing. Saya difahamkan S P Setia memiliki baki keluasan tanah sebanyak 7,237 ekar dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM122.4 bilion. S P Setia telah berjaya melaksanakan pembangunan hartanah bukan sahaja di Malaysia tapi juga di beberapa buah negara, termasuk Singapura, Vietnam, China, Australia, Jepun dan *United Kingdom*. Kini, mereka mempunyai 48 buah projek yang sedang dimajukan; 41 projek adalah dalam negara dan 7 projek di peringkat antarabangsa.

Hadirin sekalian,

4. Memorandum Persefahaman antara S P Setia dan TNB pada hari ini akan menggambarkan komitmen yang kuat kedua-dua syarikat terhadap tenaga hijau, dalam menyokong usaha ke arah "*Net Zero*" seawal-awalnya pada tahun 2050.

5. Antara elemen-elemen utama dalam MoU ini adalah: -

- Penyediaan panel-panel solar bumbung oleh TNB kepada unit-unit kediaman dan komersial S P Setia bagi menyokong tenaga hijau. Ini akan mengoptimumkan kos elektrik untuk pembeli rumah masa depan dan menyokong agenda kelestarian.
- Bagi menyokong pertumbuhan kenderaan elektrik (EV) di Malaysia, TNB akan bekerjasama dengan S P Setia dalam menyediakan infrastruktur yang relevan di unit-unit kediaman seperti pengecas EV dan bateri untuk menyimpan tenaga.
- TNB dan SP Setia akan bersama-sama mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai solar atas bumbung, teknologi EV dan bateri sepanjang siri penglibatan dengan pihak berkepentingan berkaitan ekosistem teknologi hijau dan faedahnya.

6. Kolaborasi ini dapat membantu pihak kerajaan mencapai hasrat mencapai 45 peratus pengurangan Gas Rumah Hijau pada tahun 2030. Ia turut mengambil kira kepentingan ekonomi, sosial serta persekitaran yang bersih, sihat dan selamat kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kerajaan menyambut baik inisiatif syarikat-syarikat GLC dan GLIC seperti S P Setia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad yang telah mengambil langkah ke hadapan melalui komitmen bagi mencapai “*net zero carbon emissions*” menjelang tahun 2050. Kerajaan juga berharap mendapat sokongan sepenuhnya dari pelbagai sektor dalam menjayakan program-program kelestarian.

8. Inisiatif seperti ini menjadi semakin penting apabila rakan dagangan Malaysia, institusi kewangan dan pasaran modal meletakkan syarat pematuhan kepada prinsip ESG dalam keputusan pelaburan atau pengeluaran produk mereka.

9. Seajar dengan agenda kelestarian dan pertumbuhan hijau, Kerajaan juga akan memperkukuhkan lagi pendekatan yang berteraskan elemen ESG.

10. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada S P Setia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad di atas kerjasama mereka ini.

11. Saya berharap kerjasama berterusan ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dan juga rakyat Malaysia.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.